

# Siswa UPM berkelana di Sabah

Oleh Rosniza Mohd Taha  
[yoniza@bharian.com.my](mailto:yoniza@bharian.com.my)

**K**EMBARA Borneo Mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) yang julung kali diadakan di Sabah, baru-baru ini, menjadi pengalaman tidak mungkin dilupakan 25 pelajar Fakulti Sains yang mengikutinya.

Bimbingan teknik belajar dan motivasi menjadi pengisian utama program seminggu itu membabitkan pelajar di tiga sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Likas, SMK Sanzaac dan SMK Inanam.

Kehadiran pelajar UPM di negeri 'Di Bawah Bayu' itu juga peluang keemasan memperkenalkan universiti penyelidikan itu di Malaysia Timur.


Peserta program, Abdul Mujid Hassan, berkata program itu turut membabitkan aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan termasuk lawatan ke rumah kanak-kanak bagi menyampaikan sumbangan Pusat Zakat UPM yang menghulurkan bantuan bahan mentah dan alat

tulis kepada golongan kurang bernasib baik berkenaan.

Katanya, dengan kerjasama mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS), program yang diterajui Haslam Talib yang juga anak kelahiran Kota Kinabalu sebagai pengarah itu, turut membawa mahasiswa UPM dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) melawat Yayasan Sabah, Muzium Sabah dan Muzium UMS untuk mempelajari isu perspektif global selain mengenali kebudayaan serta sejarah Sabah.

Peserta juga sempat menghayati keindahan alam semula jadi di Kundasang dengan melawat Desa Cattle iaitu ladang ternakan lembu tenusu yang dipelihara secara semula jadi. Destinasi seterusnya di Poring yang membolehkan peserta menikmati kedinginan air terjun serta kolam air panas semula jadi.

Aktiviti santai itu mampu merehatkan minda peserta setelah tiga hari bertungkus lumus menjayakan program di



sekolah dan lokasi bersejarah di Kota Kinabalu.

Kembara peserta berakhir di Pulau Manukan iaitu antara pulau terbaik di Sabah yang terkenal dengan keindahan lautan jernih, membolehkan peserta menikmati keindahan hidupan laut menerusi aktiviti *snorkling* dan *parachute boat*.

Abdul Mujid berkata, program itu memberi kesan mendalam kepada



**PELAJAR UPM menerokai keindahan lautan jernih di Pulau Manukan.**

kebanyakan peserta yang pertama kali menjejakkan kaki di Sabah selain menghubungkan silaturahim, mahasiswa UPM dan UMS yang sebelum ini tidak mengenali antara satu sama lain.

Program itu dijayakan menerusi sokongan pelbagai pihak termasuk Innochem Technology Sdn Bhd, Zul T-Shirt and Premium Sdn Bhd, Principal Gas Sdn Bhd, Shapadu Sdn Bhd serta Training.my.

## FAKTA NOMBOR

**25**  
**pelajar**

Fakulti Sains yang menyertai  
KEMBARA Borneo Mahasiswa  
UPM di Sabah



PELAJAR UPM melawat  
Desa Cattle sempena  
kunjungan ke Sabah.







**PROGRAM motivasi pelajar antara pengisian Kembara Borneo Mahasiswa UPM ke Negeri Di Bawah Bayu.**



**PROGRAM motivasi pelajar antara pengisian Kembara Borneo Mahasiswa UPM ke Negeri Di Bawah Bayu.**